

06 AUG 2002

Sukan-Basikal (ETOM)/I

PASUKAN EROPAH MAHU CABAR PASUKAN ASIA

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Pasukan profesional, Jura Suisse dari Switzerland dan Team Krone dari Norway akan membariskan pelumba handalan untuk menewaskan pencabar dari Asia pada Jelajah Gamuda Eagle Malaysia 2002 di Langkawi pada 14-18 Ogos ini.

Team Jura Suisse ketika ini menduduki tangga ke-20 senarai ranking pasukan profesional bahagian tiga dunia. Ini kali pertama mereka menyertai perlumbaan di Malaysia. Pasukan ini mendapat sokongan besar apabila mengikat kontrak dengan penaja baru, Nippon Hodo dari Jepun.

Mengetuai pasukan ialah pelumba paling berpengalaman, Simone Mori dari Itali. Bekas pelumba pasukan Selle Italia itu kini meneruskan kariernya di Switzerland, kata penganjur perlumbaan dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mori memulakan karier profesionalnya tahun 1997 dengan Selle Italia, sebelum berpindah ke Sepanyol untuk menyertai pasukan Amica Chips pada 1999, Team Coast (Jerman) tahun 2000 dan Kia Suisse dari Switzerland tahun lepas.

Mori bukan muka baru dalam arena ini di Asia. Beliau pernah membuat impak pada Jelajah Jepun tahun ini dengan menduduki tempat kedua.

Dia begitu konsisten dengan meletakkan diri ditempat kelima teratas di Jepun. Setakat ini beliau juga pernah memenangi dua peringkat pada Jelajah Serbia dan Croatia, dan kelima pada GP de Winterthur tahun 2000.

Rakan sepasukannya, Guiseppe Ribolzi adalah satu lagi nama yang perlu diberi perhatian. Beliau pernah 16 kali memenangi perlumbaan peringkat amatur. Ribolzi menandatangani kontrak sebagai pelumba profesional dengan Jura Suisse tahun ini dan meletakkan dirinya sebagai 10 pelumba teratas kepada Jelajah Siberia 2002.

Pelumba lain dalam pasukan ini ialah Francesco Cipolletta dari Itali, Bruno Nella (kanada) dan Yamamoto Yahushiro dari Jepun.

Sementara itu, Team Krone dari Norway, ketika ini menduduki ranking ke-24 dunia (Divisyen 3), juga mahu membuktikan kehebatan dengan pelumba Gabriel Rasch, 25, dengan memenangi beberapa peringkat dan mungkin pencapaian keseluruhan.

Rasch membuat impak pada kejohanan di Norway tahun ini dengan menduduki tempat keempat keseluruhan. Dia juga menduduki tempat kedua keseluruhan pada Kejohanan 2001.

Selain Rasch, pelumba pasukan itu juga terdiri daripada Lars Breiseth, Rune Jogert, Kjetil Loitegaard dan Roy Sonsterud.

Sementara itu, Austria yang ketika ini menduduki ranking ke-23 dunia, dan Ireland, ke-29 juga mahu mencatat keputusan terbaik pada jelajah ini, manakala Albania datang untuk menimba pengalaman.

Ireland akan bergantung kepada pelumba Tommy Evans, yang mendapat tempat ketiga di belakang juara kebangsaannya Mark Scanlon dan Ciaran Power pada Kejohanan Kebangsaan Irish tahun ini.

Pasukan yang berpangkalan di Belgium, Team Down Under juga boleh mencabar. Dengan kehadiran juara Jelajah Tasmania 2000, Glen Chadwick dari Australia, pasukan ini dijangka mampu membuat kejutan. Pasukan ini mempunyai empat pelumba Australia, satu Belgian dan seorang pelumba Inggeris.

Dengan kehadiran enam pasukan Eropah -- tiga kelab dan tiga pasukan kebangsaan -- jelajah ini pasti hebat dan menarik. Para penonton akan dapat menyaksikan pertarungan hebat antara pelumba Eropah dan Asia.

Sejumlah 21 pasukan akan bertanding pada perlumbaan sejauh 407.2km ini yang menawarkan wang tunai RM200,000 (US\$52,000). Jelajah ini dianjurkan oleh Clear Mission Sdn Bhd dan dibawah naungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

HRS ZS ZB